

## KEMPEN "ALLIANZ FOUR SEASONS ODYSSEY"

### TERMA DAN SYARAT

Kempen "Allianz Four Seasons Odyssey" ("Kempen") dianjurkan oleh Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Penganjur") dan tertakluk pada terma dan syarat yang terkandung di sini.

#### 1. TEMPOH KEMPEN

**Kempen** ini akan berlangsung dari pukul 12.01 pagi, 1 Januari 2024 hingga pukul 11.59 malam, 30 Jun 2024 ("**Tempoh Kempen**"). Walaubagaimanapun, **Penganjur** berhak untuk menukar **Tempoh Kempen** tanpa notis terlebih dahulu.

#### 2. KELAYAKAN

Untuk layak menyertai **Kempen** ini, kriteria berikut mesti dipenuhi:

- peserta mestilah seorang individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dan merupakan pemegang polisi yang diinsuranskan di bawah polisi Allianz Shield Plus aktif yang dikeluarkan kepada individu ("**Polisi ASP**");
- peserta mesti memberikan nombor telefon bimbit and butiran emel yang sah semasa membeli atau membaharui **Polisi ASP**; dan
- tarikh pengeluaran **Polisi ASP** hendaklah dalam **Tempoh Kempen**.

Individu yang memenuhi kriteria di atas akan dianggap sebagai peserta yang layak ("**Peserta Yang Layak**") dan akan didaftarkan secara automatik dalam **Kempen** ini, tertakluk pada Terma dan Syarat **Kempen**.

#### 3. PROSEDUR PENYERTAAN DAN TERMA DAN SYARAT KEMPEN

- Kempen** ini tidak terpakai untuk **Polisi ASP** di mana pemegang polisi adalah entiti/kumpulan korporat (cth., syarikat, persatuan, organisasi, dll.).
- Peserta Yang Layak** akan diperuntukkan bilangan penyertaan dalam Kempen ini seperti yang tertera dalam jadual di bawah apabila mereka membeli atau membaharui **Polisi ASP** mereka semasa **Tempoh Kempen**:

Polisi ASP	Nombor Penyertaan
Pelan Individu	1
Pelan Keluarga	2 bagi setiap individu yang diinsuranskan di bawah Pelan Keluarga

- Penyertaan **Peserta Yang Layak** akan dimasukkan secara automatik ke dalam **Kempen** melainkan **Peserta Yang Layak** memberitahu **Penganjur** dengan nyata bahawa dia tidak mahu menyertai **Kempen** ini.

#### 4. PEMILIHAN PEMENANG, PENGUMUMAN DAN PENEBUSAN HADIAH

- a) **Peserta Yang layak** yang memenuhi kriteria kelayakan dan semua prosedur pendaftaran seperti yang dinyatakan di atas akan diperuntukkan penyertaan untuk mengambil bahagian dalam **Kempen** ini dan akan disenarai pendek oleh **Penganjur** menggunakan alat rawak ("**Peserta Disenarai Pendek**").
- b) Keputusan **Penganjur** berkaitan dengan setiap aspek **Kempen** ini termasuk tetapi tidak terhad kepada jenis hadiah dan **Peserta Disenarai Pendek** adalah dianggap muktamad dan konklusif, dan tiada rayuan, pertanyaan, dan/atau surat-menyurat akan dilayan.
- c) **Tempoh Kempen** dibahagikan kepada dua fasa:
  - (i) **Fasa 1** dari 1 Januari 2024 hingga 31 Mac 2024; dan
  - (ii) **Fasa 2** dari 1 April 2024 hingga 30 Jun 2024.
- d) Butiran berkaitan dengan hadiah yang akan diberikan adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

Tarikh/Bulan Pengeluaran Polisi	Tarikh Peserta Disenarai Pendek akan Dimaklumkan	Hadiah
1 Januari 2024 sehingga 31 Mac 2024	14 April sehingga 28 April 2024	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pakej Percutian ke Osaka untuk 2 orang bernilai RM25,000 x 1 pemenang</li><li>• Pakej Percutian ke Seoul untuk 2 orang bernilai RM25,000 x 1 pemenang</li><li>• Pakej Percutian ke Maldives untuk 2 orang bernilai RM25,000 x 1 pemenang</li><li>• Pakej Percutian ke Eropah untuk 2 orang bernilai RM25,000 x 1 pemenang</li></ul>
1 April 2024 sehingga 30 Jun 2024	14 Julai sehingga 28 Julai 2024	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pakej Percutian ke Osaka untuk 2 orang bernilai RM25,000 x 1 pemenang</li><li>• Pakej Percutian ke Seoul untuk 2 orang bernilai RM25,000 x 1 pemenang</li><li>• Pakej Percutian ke Maldives untuk 2 orang bernilai RM25,000 x 1 pemenang</li><li>• Pakej Percutian ke Eropah untuk 2 orang bernilai RM25,000 x 1 pemenang</li></ul>

Nota:

- i) Tertakluk kepada Terma dan Syarat Pakej Percutian yang berkenaan, Pakej Percutian di atas memberi fleksibiliti kepada setiap Pemenang dalam perjalanan mereka, dan meliputi perbelanjaan seperti tiket penerbangan pergi balik, tempahan hotel, dan sebagainya. Sebagai alternatif, Pemenang juga boleh memilih untuk

mengikuti lawatan berpandu yang disediakan oleh agensi pelancongan yang ditetapkan.

- ii) Sebarang pengaturan perjalanan yang tidak disebutkan di atas dan/atau tidak dinyatakan dalam terma dan syarat Pakej Percutian tidak akan ditanggung oleh Penganjur.
- e) Empat (4) **Peserta Yang Layak** akan disenarai pendek untuk setiap fasa dalam **Tempoh Kempen**, dan sejumlah lapan (8) Hadiah akan diberikan di bawah **Kempen** ini.
- f) Setiap **Peserta Yang Layak** hanya layak memenangi satu (1) Hadiah sepanjang **Kempen** ini.
- g) **Peserta Disenarai Pendek** akan menerima borang melalui e-mel daripada [AGIC.Campaign@allianz.com.my](mailto:AGIC.Campaign@allianz.com.my) ("**Borang**") di mana mereka akan dikehendaki:
  - i) memberikan nama penuh mereka, no. NRIC dan maklumat hubungan untuk tujuan pengesahan;
  - ii) menjawab dengan betul soalan yang ditanya oleh **Penganjur** ("**Soalan**");
  - iii) menunjukkan minat untuk melancong ke destinasi yang dianugerahkan ("**Lawatan**") dengan memilih pilihan masing-masing yang disediakan dalam Borang; dan
  - iv) menghantar Borang tersebut.
- h) Sekiranya **Peserta Disenarai Pendek** menunjukkan bahawa mereka tidak berminat untuk melancong dengan memilih pilihan yang berkenaan dalam Borang yang disediakan, Hadiah bagi Peserta Disenarai Pendek tersebut akan dibatalkan. Selain itu, semua Hadiah yang tidak dituntut juga akan dianggap terbatal.
- i) **Borang** yang telah dilengkapkan mesti diterima oleh **Penganjur** dalam tempoh lima (5) hari berkerja dari tarikh e-mel Penganjur kepada **Peserta Disenarai Pendek**, jika tidak, **Penganjur** berhak untuk membatalkan kelayakan **Peserta Disenarai Pendek**.
- j) Sebarang maklumat yang tidak lengkap atau tidak tepat dalam **Borang** juga akan menyebabkan **Peserta Disenarai Pendek** dilucutkan kelayakan di bawah **Kempen** ini secara automatik.
- k) **Peserta Disenarai Pendek** yang telah disahkan dan telah menjawab **Soalan** dengan betul akan dianggap sebagai pemenang ("**Pemenang**") dan akan dimaklumkan secara rasmi oleh **Penganjur** melalui e-mel ("**E-mel Pengesahan**").
- l) Jika **Peserta/Pemenang Disenarai Pendek** memberikan sebarang maklumat yang tidak benar, tidak tepat, tidak terkini, tidak lengkap, dan/atau jika **Penganjur** mempunyai alasan untuk mengesyaki bahawa maklumat tersebut adalah tidak benar, tidak tepat, tidak terkini dan/atau tidak lengkap, **Penganjur** boleh membatalkan kelayakan **Peserta/Pemenang Disenarai Pendek**.
- m) Para **Pemenang** akan dihubungi oleh agensi pelancongan yang dilantik oleh **Penganjur** untuk mengatur penebusan Pakej Percutian. Jika **Pemenang** memilih untuk menebus Pakej Percutian pada masa yang kemudian, **Pemenang** bertanggungjawab untuk membuat pengaturan sendiri untuk menghubungi ejen pelancongan yang dilantik untuk penebusan Pakej Percutian. **Penganjur** tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau penghantaran yang salah berkaitan dengan penebusan Pakej Percutian.
- n) Hadiah-hadiah di bawah **Kempen** ini hanya sah selama 2 tahun dari tarikh surat tebusan Hadiah yang dikeluarkan oleh **Penganjur** atau ejen pelancongan yang dilantik oleh **Penganjur**, mana-mana yang berkenaan.
- o) Hadiah tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai.
- p) Para **Pemenang** mungkin dikehendaki menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau program-program publisiti lain dengan kos dan perbelanjaan sendiri seperti yang dimaklumkan oleh **Penganjur** melalui panggilan dan tarikh, masa, dan tempat majlis penyampaian hadiah dan/atau program-program publisiti tersebut akan dimaklumkan kepada **Pemenang**.

- q) Nama penuh **Pemenang** dan empat digit terakhir nombor telefon bimbit mereka akan diumumkan di halaman Facebook Allianz Malaysia dan laman web Allianz Malaysia pada pada hari bekerja kedua puluh (20) dua (2) bulan berikutnya selepas tamat setiap fasa **Tempoh Kempen**.

## 5. SYARAT-SYARAT LAIN

- a) Dengan menyertai **Kempen** ini, **Peserta Yang Layak** dengan ini bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan di sini dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat oleh **Penganjur** berkenaan dengan **Kempen** ini adalah muktamad dan konklusif.
- b) **Penganjur** mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung **Kempen** ini atau mengubah terma dan syaratnya tanpa sebarang notis atau alasan terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan, **Peserta Yang Layak** dengan ini bersetuju bahawa mereka tidak berhak mendapat sebarang bentuk pampasan yang timbul daripada sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung secara langsung atau tidak langsung akibat pembatalan, penamatan, penggantungan atau perubahan tersebut oleh **Penganjur**.
- c) **Penganjur** mempunyai hak mutlak untuk membatalkan kelayakan **Peserta yang Layak** yang gagal mematuhi terma dan syarat ini. **Penganjur** juga berhak untuk memadam, mengalih keluar, tidak mempertimbangkan, atau menolak mana-mana penyertaan yang dianggap tidak wajar, tidak sesuai atau menyinggung perasaan.
- d) Sekiranya **Pemenang** memilih untuk tidak menerima **Hadiah**, dia akan menafikan semua hak, kepentingan dan tuntutan untuk **Hadiah** tersebut dan **Hadiah** tersebut akan diuruskan mengikut budi bicara tunggal dan mutlak **Penganjur**.
- e) **Penganjur** tidak akan bertanggungjawab ke atas terma penggunaan khusus yang terpakai bagi **Hadiah**, atau mana-mana peraturan yang ditetapkan oleh penganjur Konsert, atau faedah dan perkhidmatan yang disediakan oleh mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga di bawah **Kempen** ini.
- f) **Penganjur** tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian atau kerosakan yang dialami oleh **Peserta yang Layak**, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang timbul daripada atau berkaitan dengan **Kempen** ini.
- g) **Penganjur** tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, kerosakan, tuntutan, kecederaan (termasuk kematian) atau kemalangan yang ditanggung atau dialami, dalam apa jua keadaan, oleh pihak ketiga atau **Peserta Yang Layak**, sebelum, semasa dan selepas pelancongan yang ditebus di bawah **Kempen** ini.
- h) Pemprosesan mana-mana data peribadi yang diberikan menurut **Kempen** ini akan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
- i) **Peserta Disenarai Pendek** dan/atau **Pemenang** dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa **Penganjur** berhak menggunakan, menerbitkan, atau menampilkan nama penuh dan gambar mereka (yang mungkin diambil semasa sebarang majlis penyampaian hadiah atau program-program publisiti lain) untuk tujuan publisiti dan pengiklanan tanpa sebarang pampasan.
- j) Untuk sebarang pertanyaan berkaitan **Kempen** ini, sila hubungi Allianz melalui e-mel di [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my), Isnin hingga Jumaat dari 9.00 pagi hingga 6.00 malam.
- k) Terma dan syarat di sini akan ditadbir dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.

Terma & Syarat dikemas kini terakhir: 23 Oktober 2023